

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, October 10, 2018 2:50 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bina Keutuhan, Jati Diri Dan Kelestarian Umat



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

10 OKTOBER 2018 / 01 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

BINA KEUTUHAN, JATI DIRI DAN KELESTARIAN UMAT



UUM ONLINE: "Perubahan pendekatan dalam era baharu Malaysia sewajarnya memberikan ruang lebih luas kepada usaha dakwah agar lebih dinamik, ketegasan dan kelembutan dalam pembinaan pemikiran dakwah amat diperlukan dalam membentuk kelestarian umat Islam masa depan."

Demikian ucapan Dekan SLCP, Prof. Dr. Shukri Ahmad ketika membentangkan Pemikiran Dakwah Islam Dalam Membangun Jatidiri Umat pada Seminar Islam dan Kelestarian Ummah (SIDKUN'18) di DKG 6/9, SMMTC, UUM, semalam.

Seminar peringkat kebangsaan mengangkat tema Ke Arah Pemerkasaan Jati Diri Masyarakat Malaysia diadakan buat kali kedua oleh Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), UUM CAS.

Jelasnya, dakwah merujuk kepada seruan berbuat ketaatan mencapai kehendak agama yang merupakan inti perkembangan agama dan ajaran agama tidak dapat diamalkan oleh pengikut melainkan melalui penyampai.

“Pemikiran dakwah Islam bukannya mewakili makna agama Islam namun pemikiran dakwah membolehkan Islam difahami sebagai kaedah pendakwah berusaha menyampaikan mesej agama,” ujarnya.

Kecenderungan dan tabiat berbeza yang wujud dalam diri pendakwah meliputi aspek kefahaman agama, bahasa, kehidupan dan sifat alam sekeliling juga mempengaruhi pemikiran sehingga kelihatan berbeza dalam mentafsirkan Islam,” katanya.

Menurutnya, usaha menghapuskan perbezaan pemikiran dakwah ini secara total tidak akan berhasil sebaliknya menambahkan lagi perselisihan yang disifatkan oleh al-Qardhawi sebagai tanda kebodohan kerana perbezaan dalam memahami hukum hakam yang tidak bersifat asas merupakan suatu kemestian dan tidak dapat dihindarkan.

“Menurut Al-Qardhawi, saya tidak resah jika dalam kebangkitan Islam terdapat pelbagai madrasah, kumpulan atau jemaah yang memiliki manhaj tersendiri dalam berjuang menegakkan Islam di muka bumi, sesuai dengan penentuan sasaran, skala prioriti dan tahapnya.

“Pendakwah mesti bekerja dalam konteks kerjasama sehingga saling menyempurnakan dan menguatkan dalam menghadapi masalah asas agama sehingga saling mengukuhkan.

“Malangnya, terdapat para aktivis Islam yang mengabaikan keutamaan saling mengukuh ini sebaliknya menyebarkan benih perpecahan di mana sahaja mereka singgah dan hanya berbangga dengan pendapat jemaah sendiri sambil menuduh jemaah lain,” ucapnya.

Justeru itu ujarnya, penekanan terhadap tanggungjawab pendakwah dalam menyampaikan dakwah harus seiring dengan keperluan mereka memahami lima ilmu fiqh seperti *fiqh: Maqasid, Awlawiyyat, Sunan dan sosial, Muwazanah dan Ikhtilaf*.

Beliau turut membincangkan pemikiran dakwah Era Malaysia baharu dalam beberapa aspek seperti politik, pendidikan, sosial dan akidah.

“Keadilan sosial dan integriti adalah tunjang dalam era dakwah kini di mana keadilan dalam sudut pandang Islam menyentuh hak asasi dalam Islam melibatkan memelihara agama, akal, keturunan, maruah dan harta bermaksud, memelihara hak asasi dalam perkara utama mestilah ditumpukan,” terangnya.

Menurutnya, slogan Islam sebagai agama *Rahmatan lil ‘Alamin* diagendakan dalam program bercorak keagamaan dan perubahan yang ingin dibawa dalam lingkungan yang luas, komprehensif, pelbagai bidang untuk dinampakkan Islam sebagai agama rahmat.

“Pemikiran dakwah bukan sahaja dalam aspek pembinaan spiritual sebaliknya membangunkan ideologi dan budaya keagamaan seperti disiplin, kebersihan, ketelusan dan integriti.

“Kejayaan negara terletak kepada nilai moral dan sahsiah diri, agenda politik yang perlu dislogankan kerajaan ialah membangunkan jiwa yang bersahsiah, berakhlak dan mempunyai ketulenan akidah.

“Cabaran besar ialah usaha mengembleng tenaga dan kemahuan semua parti politik terutama berorientasikan Islam untuk membangunkan jiwa muslim yang berakidah, berintegriti dan bekerjasama,” katanya.

Kepelbagaian ideologi politik sewajarnya tidak menyebabkan masing-masing saling berprasangka, membuat tuduhan melulu kerana akan merosakkan maksud bekerjasama dalam hal kebajikan.

Selain itu tambahnya, perbezaan pendekatan dalam penyelesaian masalah sosial menjadi agenda utama perbincangan dalam kalangan pendakwah termasuk menangani LGBT, Liberalis, perkahwinan bawah umur dan pergaulan bebas dibincangkan dalam media sosial.

“Penyelesaian nampak belum jelas dengan masing-masing saling membidas antara satu sama lain dan pemikiran pendakwah yang saling menyalahkan seolah-olah membiarkan umat terpinga-pinga dalam mengharapkan solusi yang berkesan,” akunya.

Malah katanya, media sosial digunakan secara meluas untuk melepaskan perasaan, pandangan sembrono, keras dan gaya serangan menyebabkan medium ini gagal menghasilkan kaedah penyelesaian dakwah yang tuntas.

“Tunjang kekuatan ummah ialah keutuhan akidah dan pembinaannya jadi era Malaysia baharu mesti meneliti aspek akidah dengan serius selari dengan harapan masyarakat untuk melihat usaha mendukung agenda pemantapan akidah Islam dilakukan secara komprehensif dan menyeluruh dalam semua sektor.

“Perpecahan umat dari sudut tafsiran akidah mestilah diusahakan untuk diatasi secara menyeluruh dan berharap Malaysia akan lebih berjaya dalam mendepani isu dakwah umat Islam,” luahnya.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.